



KERAJAAN MALAYSIA
REQUEST FOR INFORMATION (RFI)
PERKHIDMATAN SEWAAN SISTEM TALIAN TELEFON DI FASILITI KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Dokumen ini mengandungi maklumat umum yang berkaitan dengan keperluan untuk membangunkan sistem IP PBX bagi menggantikan sistem PBX sedia ada untuk digunakan di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ia juga termasuk permintaan untuk maklum balas mengenai produk / perkhidmatan yang berpotensi untuk KKM.
- 1.2. Objektif dokumen ini adalah untuk:
 - i. Mendapatkan idea, pandangan, cadangan dan penyelesaian inovatif untuk mempercepatkan pelaksanaan pemasangan sistem IP PBX di Fasiliti Kesihatan KKM di seluruh negara **sebelum akhir tahun 2025**;
 - ii. Mengenalpasti organisasi atau syarikat yang berpotensi untuk memenuhi objektif KKM dalam menyelesaikan isu sistem PBX sedia ada;
 - iii. Memahami daya maju produk dan faktor utama untuk memastikan kejayaan peralihan kepada sistem IP PBX yang baharu; dan
 - iv. Menentukan tahap kemampuan syarikat/organisasi dan keperluan sumber.
- 1.3. Maklumbalas kepada dokumen ini adalah secara sukarela dan tidak menjadi pra-syarat dalam pelaksanaan pemasangan sistem IP PBX pada masa hadapan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pihak TM sedang dalam proses menukar sistem talian telefon analog kepada digital di seluruh negara.
- 2.2. KKM telah mengadakan perbincangan bersama pihak TM mengenai hala tuju peralihan sistem analog *Integrated Services Digital Network Primary Rate Interface (ISDN PRI)* kepada sistem digital *Multi-Line Session Initiation Protocol (MLS IP)*. Berdasarkan perbincangan tersebut, pihak TM menjangkakan peralihan akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025.
- 2.3. Kerja naik taraf TM ini akan menyebabkan sistem PBX sedia ada di fasiliti KKM tidak dapat menyokong sistem digital (MLS IP) yang dipasang oleh TM dan menyebabkan sistem talian telefon di fasiliti kesihatan terjejas dan tidak dapat berfungsi.
- 2.4. Pada masa ini, sistem sedia ada masih boleh digunakan, namun pihak KKM perlu bersedia untuk menggantikan sistem *Private Branch Exchange (PBX)* sedia ada agar pengoperasian sistem tidak tergendala apabila kerja peralihan oleh pihak TM selesai.

3. CADANGAN LOKASI BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN IP PBX

- 3.1. Cadangan perkhidmatan sewaan IP PBX adalah melibatkan fasiliti kesihatan berkaitan di seluruh negara seperti berikut:

BIL.	NEGERI	HOSPITAL
1.	Perlis	Tuanku Fauziah, Kangar Baling Jitra Sultanah Maihah, Langkawi Sik Yan
2.	Kedah	Kuala Nerang Sultan Abdul Halim, Sg. Petani Sg. Petani Lama Sultanah Bahiyah, Alor Setar Hospital Alor Setar (Lama) Pendang Kulim
3.	Pulau Pinang	Pulau Pinang Kepala Batas Seberang Jaya Bukit Mertajam
4.	Perak	Raja Permaisuri Bainun, Ipoh Taiping Teluk Intan Slim River Seri Manjung Bahagia Ulu Kinta Kuala Kangsar Gerik Selama Parit Buntar Kampar Tapah Changkat Melintang Batu Gajah Sungai Siput Makmal Kesihatan Awam Ipoh

BIL.	NEGERI	HOSPITAL
5.	Selangor	Sungai Buloh
		Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN)
		Ampang
		Sultan Idris Shah, Serdang
		Banting
		Kajang
		Selayang
		Tengku Ampuan Rahimah, Klang
		Sabak Bernam
		Shah Alam
		Orang Asli Gombak
		Institut Kesihatan Negara (NIH)
6.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	Kuala Lumpur
		Institut Perubatan Respiratori (IPR)
		Putrajaya
		Rehabilitasi Cheras (HRC)
		Tunku Azizah (WACCH)
		Institut Kanser Negara (IKN)
		Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
7.	Pahang	Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh
		Kuala Lipis
		Bentong
		Pekan
		Sultanah Hajah Kalsom, Cameron Highlands
		Raub
		Jerantut
		Jengka
		Muadzam Shah
		Bera
		Rompin
		Besut
8.	Terengganu	Dungun
		Hulu Terengganu
		Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
		Kemaman
		Setiu
		Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu
9.	Kelantan	Gua Musang
		Jeli
		Sultan Ismail Petra, Kuala Krai
		Kuala Krai
		Machang
		Pasir Mas
		Tumpat
		Tengku Anis, Pasir Puteh
		Tanah Merah
		Tuanku Jaafar, Seremban
10.	Negeri Sembilan	Kuala Pilah
		Tampin
		Port Dickson
		Jempol
		Jelevu
		Rembau
		Melaka
11.	Melaka	Alor Gajah
		Jasin
		Kota Tinggi
		Sultan Ismail, Johor Bahru
		Sultanah Aminah, Johor Bahru
		Kulai
		Permai
		Pontian
		Muar
		Segamat
12.	Johor	Tangkak
		Batu Pahat
		Enche' Besar Hajah Khalsom, Kluang
		Mersing
		Hospital Umum Sarawak, Kuching
		Miri
		Bintulu
		Sibu
		Sarikei
		Pusat Jantung Sarawak, Kuching
13.	Sarawak	Bau
		Serian
		Kapit
		Dalat
		Limbang
		Queen Elizabeth I, Kota Kinabalu
		Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu
14.	Sabah	Likas (Hospital Wanita & Kanak-Kanak Sabah)
		Kota Belud

BIL.	NEGERI	HOSPITAL
Sabah		Kuala Penyu
		Kudat
		Kunak
		Labuan
		Papar
		Ranau
		Sipitang
		Tambunan
		Tenom
		Tuaran
		Beluran
		Sandakan
		Keningau
		Kinabatangan
		Lahad Datu
		Pitas
		Semporna
		Tawau
		Beaufort
		Kota Marudu

- 3.2 Cadangan perkhidmatan sewaan IP PBX juga merangkumi fasiliti kesihatan lain termasuk Institusi, Makmal, Klinik, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berkaitan di seluruh negara.

4. ARAHAN KEPADA SYARIKAT PEMBERI PERKHIDMATAN

- 4.1. Syarikat pemberi perkhidmatan diminta mengemukakan profil syarikat yang merangkumi perkara seperti berikut:
- Lesen Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (*Network Service Provider (NSP), Network Facilities Provider (NFP), Application Service Provider (ASP)* dan lain-lain yang berkaitan);
 - Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
 - Cadangan penyelesaian yang ditawarkan bagi semua fasiliti KKM yang terlibat di seluruh negara;
 - Keselamatan sistem IP PBX yang ditawarkan termasuk keselamatan serangan siber dan sistem/ data *backup*;
 - Pengalaman kerja berkaitan perkhidmatan sewaan sistem IP PBX (Kerajaan, swasta); dan
 - Lain-lain maklumat berkaitan perkhidmatan dan sistem IP PBX yang tidak dinyatakan di atas.
- 4.2. Syarikat pemberi perkhidmatan diminta mengemukakan satu (1) salinan elektronik (*softcopy*) yang lengkap mengenai maklumat RFI yang diperlukan.

5. MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA PIHAK SYARIKAT

BIL.	PERKARA	CADANGAN SYARIKAT
1	Jenis IP PBX (<i>Cloud/On premis/etc.</i>)	
2	Kelebihan IP PBX yang ditawarkan	
3	Kaedah Perkhidmatan (<i>Berpusat/Negeri/Fasiliti/etc.</i>)	
4	Lokasi Server	
5	Jenis Caj Dan Caj Yang Dikenakan: <ul style="list-style-type: none"> i. Caj Sewaan ii. Caj Panggilan iii. Caj Bulanan (Talian) iv. Caj Penyelenggaraan v. Lain-lain (<i>Panggilan Percuma/etc.</i>) 	
6	Aplikasi telefon (<i>Softphone</i>) <ul style="list-style-type: none"> i. Caj Perkhidmatan ii. Ciri-ciri <i>Softphone</i> iii. Lain-lain 	
7	Telefon Fizikal (<i>IP Phone</i>) <ul style="list-style-type: none"> i. Caj Sewaan ii. Jenama & Spesifikasi iii. Lain-lain 	
8	Jumlah Talian yang boleh ditawarkan (Lebih 100,000/ 50,000-100,000/ kurang 50,000)	
9	Tempoh pemasangan keseluruhan sistem IP PBX (tanpa penggunaan IP Phone)	
10	Fungsi nilai tambah (<i>value added function</i>) (Fungsi/ caj yang dikenakan) <ul style="list-style-type: none"> i.e Voice Mail/ percuma 	

BIL.	PERKARA	CADANGAN SYARIKAT
	i.	
	ii.	
	iii.	
11	Caj bulanan sekiranya mengekalkan nombor sedia ada TM	
12	Caj bulanan sekiranya bertukar ke nombor selain TM	
13	Lain-lain tawaran i. ii. iii.	

6. MAKLUMBALAS SYARIKAT

- 6.1. Tarikh akhir bagi penyerahan RFI ditetapkan pada **11 Oktober 2024 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari.**
- 6.2. Salinan *softcopy* hendaklah dihantar melalui e-mel kepada (iklanrfi@moh.gov.my) Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM bertajuk "**PERKHIDMATAN SEWAAN SISTEM TALIAN TELEFON DI FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**":
<masukkan nama syarikat>